

## **Penerapan Kemahiran Kebolehgajian Terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas** *[Instilment of Employability Skills for Special Needs Students]*

**Anizam Mohamed Yusof<sup>1\*</sup>, Manisah Mohd Ali<sup>2</sup>, Norhayati Mohd Noor<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

<sup>2,3</sup>Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2020.05.01.006>

Received 10<sup>th</sup> December 2019; Accepted 28<sup>th</sup> February 2020; Available online 31<sup>th</sup> March 2020

**Abstrak:** *The purpose of this study is to explore the employability skills that teachers apply to students with special needs in preparation for employment. The design of this study was the case study. Data collection method consisted of interviews which were used as primary data. In addition, content of documents and observations were also used as supporting data. The participants consisted of nine educators from in special education of vocational programs. Thematic analysis technique was used to produce the themes relate to the purpose of research. The findings show that the three main employability skills implemented by teachers are basic skills, workplace competence and entrepreneurial skills. The results of the study are expected to help implement vocational education programs to ensure students with special educational needs are able to meet the requirements of the job market.*

**Keywords:** *employability skills, students with special needs, vocational education*

**Abstract:** Kajian ini bertujuan untuk meneroka kemahiran kebolehgajian yang diterapkan oleh guru kepada murid berkeperluan pendidikan khas sebagai persediaan mereka ke dunia pekerjaan. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes penerokaan. Kaedah pengumpulan data menggunakan temu bual sebagai data utama, di samping analisis kandungan dokumen serta pemerhatian sebagai data sokongan. Peserta kajian terdiri daripada sembilan orang pendidik di program vokasional pendidikan khas. Data dianalisis secara tematik yang menghasilkan tema. Dapatan kajian menunjukkan tiga kemahiran kebolehgajian utama yang diterapkan oleh guru ialah kemahiran asas, kompetensi di tempat kerja dan kemahiran keusahawanan. Hasil kajian diharapkan membantu pihak pelaksana untuk memantapkan program pendidikan vokasional bagi memastikan murid berkeperluan pendidikan khas berpotensi memenuhi pasaran pekerjaan.

**Kata kunci:** Kemahiran kebolehgajian, murid berkeperluan pendidikan khas, pendidikan vokasional

## 1. Pengenalan

Murid berkeperluan pendidikan khas merupakan murid yang mempunyai kekurangan fizikal-deria dan ketidakmampuan belajar (Mohamed Yusof, Mohd Ali & Mohd Salleh, 2013). Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 Bahagian 3 mentafsirkan “murid berkeperluan pendidikan khas” ialah murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan dan masalah yang dinyatakan sebelumnya (Malaysia, 2013). Oleh itu, murid berkeperluan pendidikan khas memerlukan satu sistem pendidikan yang bersesuaian dengan ketidakupayaan mereka.

Di Malaysia, pihak Kementerian Pendidikan telah menyediakan peluang untuk murid berkeperluan pendidikan khas mendapat pendidikan pada peringkat awal usia. Program pendidikan khas telah diwujudkan daripada peringkat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah sehingga ke peringkat pendidikan lepas menengah (Malaysia, 2013). Selain itu, program pendidikan khas integrasi dan program pendidikan inklusif diadakan di sekolah-sekolah harian biasa bagi memberi peluang kepada murid berkeperluan pendidikan khas mengikuti pendidikan bersama-sama dengan murid tipikal di arus perdana.

Pendidikan vokasional merupakan salah satu usaha untuk mengembangkan keupayaan murid berkeperluan pendidikan khas melalui latihan asas kemahiran berkaitan dengan pekerjaan yang sesuai dengan ketidakupayaan mereka sebagai persediaan mendapatkan pekerjaan dan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja negara (Lee, Abdullah & Mey, 2011; Mohamed Yusof, Mohd Ali & Mohd Salleh, 2013, 2014; Ramlee, 2004). Menurut Jabatan Pendidikan Khas (2005), pendidikan vokasional yang disediakan untuk murid berkeperluan pendidikan khas adalah memenuhi keperluan kurikulum yang lebih fleksibel, berfokus, menarik dan bersesuaian dengan keupayaan serta kebolehan mereka dalam menguasai sesuatu kemahiran. Hasil kajian di dalam dan luar negara menunjukkan pendidikan vokasional dapat membantu murid berkeperluan pendidikan khas menyiapkan diri dan bersedia untuk melangkah ke dunia pekerjaan setelah menamatkan alam persekolahan (Daros, Nordin & Saud, 2012; Jones & Williams, 2011; Ofoegbu & Azarmsa, 2010; Paul, 2011). Oleh itu, pendidikan vokasional dapat membantu murid berkeperluan pendidikan khas mempunyai kemahiran dan kompetensi untuk mereka hidup berdikari, memperoleh pekerjaan dan serta pendapatan bagi menyara kehidupan.

Pada pembangunan ekonomi masa ini menuntut tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pekerjaan. Selain itu, majikan hari ini memerlukan pekerja yang memiliki kemahiran kebolehgajian (Mat et al., 2015; Minghat et al., 2013). Kemahiran kebolehgajian merupakan kemahiran atau kompetensi bukan teknikal yang diperlukan oleh majikan untuk melaksanakan semua pekerjaan tanpa mengira jenis atau tahap sesuatu pekerjaan (Ju, Zhang & Pacha, 2011; Mat et al., 2015; Minghat et al., 2013). Justeru, kemahiran kebolehgajian seharusnya diterapkan kepada murid berkeperluan pendidikan khas supaya mereka dapat memenuhi kehendak majikan dan keperluan industri pekerjaan.

## 2. Penerapan Kemahiran Kebolehgajian

Penerapan kemahiran kebolehgajian adalah perlu dalam penyediaan murid ke alam pekerjaan, malah ia lebih kritikal bagi murid berkeperluan pendidikan khas. Kemahiran kebolehgajian adalah kurikulum yang tidak khusus iaitu ia bukan dalam bentuk mata pelajaran, namun ia diterapkan oleh guru menerusi semua mata pelajaran dengan menggunakan kaedah integrasi atau bersepadu (Ab Halim, 2013). Memandangkan majikan meletakkan tanggungjawab penguasaan kemahiran kebolehgajian bakal pekerja kepada pihak institusi pendidikan, maka pendidik memainkan peranan penting dalam penerapan kemahiran kebolehgajian kepada murid berkeperluan pendidikan khas (Luecking 2008).

Kajian yang dijalankan oleh Chu dan Zhang (2015) mendapati kemahiran kebolehgajian diterapkan oleh pendidik kepada murid berkeperluan pendidikan khas adalah penampilan diri (seperti pakaian yang sesuai dan kebersihan), tingkah laku yang betul, ketepatan masa dan kehadiran, kemahiran komunikasi, tanggungjawab kerja, kemahiran bekerjasama dan pengurusan emosi. Dania, Bakar & Mohamed (2014) pula mendapati tujuh elemen kemahiran kebolehgajian iaitu kualiti peribadi, kemahiran interpersonal, kemahiran sumber, kemahiran asas, kemahiran berfikir, kemahiran maklumat serta kemahiran teknologi dan sistem diterapkan oleh pendidik kepada murid tipikal di program pendidikan vokasional. Dapatan kajian Dania, Bakar & Mohamed (2014) menyerupai dapatan kajian Ab Halim (2013) terhadap murid berkeperluan pendidikan khas. Ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan elemen kemahiran kebolehgajian yang diterapkan oleh pendidik kepada murid berkeperluan pendidikan khas atau murid tipikal dalam program pendidikan vokasional.

Seterusnya, dapatan kajian Guenther, Falk & Arnott (2008) mendapati penerapan kemahiran literasi dan numerasi, motivasi, keyakinan diri, harga diri, kemahiran asas hidup dan pembentukan identiti, kemahiran sosial, kemahiran berkaitan pekerjaan, kemahiran fleksibiliti dan pembinaan pengalaman di tempat kerja adalah elemen kemahiran kebolehgajian yang perlu diterapkan oleh pendidik kepada murid berkeperluan pendidikan khas dalam program pendidikan vokasional. Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa penerapan kemahiran literasi dan numerasi sangat penting kerana kedua-dua elemen kemahiran kebolehgajian tersebut menjadi cabaran utama bagi murid berkeperluan pendidikan khas dalam dunia pekerjaan. Oleh itu, elemen kemahiran kebolehgajian yang diterapkan oleh pendidik seharusnya mengambil kira keperluan murid berkeperluan pendidikan khas untuk menjadi pekerja yang kompeten.

Di Malaysia, sebenarnya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan lapan elemen kemahiran kebolehgajian untuk diterapkan oleh pendidik pada peringkat sekolah. Lapan elemen kemahiran kebolehgajian tersebut adalah kemahiran berkomunikasi; kemahiran menggunakan teknologi; kemahiran merancang dan mengelola aktiviti; kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan; kemahiran menyelesaikan masalah; kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat; kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik serta kemahiran memahami budaya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Justeru, elemen kemahiran kebolehgajian yang diterapkan oleh pendidik kepada murid berkeperluan pendidikan khas perlu dikenalpasti bagi memastikan mereka bersedia untuk melaksanakan tugas dalam kehidupan harian dan pekerjaan.

### **3. Pernyataan Masalah Kajian**

Penguasaan kemahiran kebolehgajian yang lemah merupakan salah satu halangan individu berkeperluan khas memperoleh pekerjaan (Hiller et al., 2007; Lee, Abdullah & Mey, 2011; Mohd. Isa, Salleh & Mustapha, 2009; Shier, Graham & Jones, 2009; Singley 2003). Sedangkan penguasaan kemahiran kebolehgajian adalah salah satu kriteria yang diperlukan oleh majikan dalam pengambilan pekerja. Maka kemahiran kebolehgajian perlu diterapkan oleh pendidik sebagai persediaan murid berkeperluan pendidikan khas berpotensi menempatkan diri dalam dunia pekerjaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka penerapan kemahiran kebolehgajian dalam program pendidikan vokasional untuk murid berkeperluan pendidikan khas.

### **4. Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Fokus utama kajian kes ini ialah untuk meneroka elemen kemahiran kebolehgajian yang diterapkan oleh pendidik kepada murid berkeperluan pendidikan khas. Data utama kajian diperoleh menerusi temu bual manakala analisis dokumen dan pemerhatian merupakan data sokongan. Dalam kajian ini, sembilan orang pendidik di sebuah sekolah menengah pendidikan vokasional murid berkeperluan pendidikan khas telah ditemu bual. Mereka mempunyai pengalaman dalam pendidikan vokasional murid berkeperluan pendidikan khas lebih daripada lima tahun. Temu bual bersemuka dijalankan oleh pengkaji berpandukan set protokol temu bual yang dibangunkan berdasarkan kajian literatur terutamanya *Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills*, SCANS (1991). Dapatan kajian dianalisis secara tematik dan diurus menggunakan bantuan perisian Nvivo.

### **5. Dapatan dan Perbincangan**

Kertas kerja ini hanya melaporkan dapatan kajian hasil daripada analisis data temu bual dan disokong dengan data pemerhatian serta data analisis kandungan dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga kemahiran kebolehgajian utama yang diterapkan oleh pendidik kepada murid berkeperluan pendidikan khas dalam program pendidikan vokasional adalah kemahiran asas, kompetensi di tempat kerja dan kemahiran keusahawanan. Dua kemahiran kebolehgajian utama yang diterapkan oleh pendidik iaitu kemahiran asas dan kompetensi di tempat kerja menyerupai dapatan kajian Ab Halim (2013), Mohd Yusof (2014) dan Adnan (2013). Sementara kemahiran keusahawanan merupakan penemuan baru dalam penerapan kemahiran kebolehgajian murid berkeperluan pendidikan khas. Penerapan kemahiran keusahawanan ini memberi satu penambahan kepada kemahiran kebolehgajian untuk murid berkeperluan pendidikan khas.

#### **a. Penerapan Kemahiran Asas**

Dapatan kajian ini mendapati lima elemen kemahiran asas yang diterapkan oleh guru ialah kemahiran literasi dan numerasi, kemahiran berfikir, kemahiran komunikasi, kualiti peribadi serta kemahiran mengingat. Kajian ini menemukan penerapan elemen kemahiran asas yang baharu iaitu kemahiran mengingat yang tiada dalam dapatan kajian yang terdahulu. Ini menunjukkan bahawa pendidik berpendapat kemahiran mengingat diperlukan oleh murid berkeperluan pendidikan khas sebagai persediaan ke alam pekerjaan.

Kemahiran mengingat diterapkan oleh pendidik bersesuaian dengan keperluan pekerjaan sekarang yang berteraskan kepada penyimpanan dan penyampaian maklumat. Budaya kerja pada masa kini yang menggunakan banyak maklumat dan mengekalkannya menyumbang kepada keperluan penerapan kemahiran mengingat. Secara amnya, murid berkeperluan pendidikan khas merupakan golongan murid berisiko dalam aspek pembelajaran akibat daripada ketidakupayaan mereka. Kebanyakan murid berkeperluan pendidikan khas mempunyai jangka masa memberi perhatian atau tumpuan yang singkat terhadap sesuatu perkara termasuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Abdul Rahman & Abu Samah, 2011; Mohd Jelas, 2009; Sulaiman & Omar 201). Maka kelemahan ini memberi kesan kepada kemampuan murid berkeperluan pendidikan khas menyimpan maklumat dalam jangka pendek (Abdul Rahman & Abu Samah, 2011; Mohd Ali & Sahal, 2016; Seman et al., 2016). Oleh itu, kemahiran mengingat diterapkan oleh pendidik kepada murid berkeperluan pendidikan khas sebagai latihan untuk mencapai penguasaan maklumat dalam sesuatu pembelajaran dan seterusnya dalam dunia pekerjaan kelak.

Penerapan kemahiran literasi dan numerasi selaras dengan dapatan Mohamed Yusof, Mohd Ali dan Mohd Salleh (2013), Ab Halim (2013), Mohd Yusof (2014) dan Abdullah (2017). dan Selain itu, penerapan kemahiran literasi dan numerasi ini merupakan satu keperluan dan bersesuaian kerana menurut Mitchell dan Karchmer (2012) serta Siegel (2003), pekerja berkeperluan khas mempunyai kemahiran asas seperti kebolehan mengira serta membaca yang rendah walaupun mereka tamat persekolahan menengah. Manakala penerapan kemahiran berfikir dan kemahiran komunikasi menyerupai kajian Ab Halim (2013) dan Adnan (2013). Penerapan elemen kualiti peribadi pula secara keseluruhannya selari dengan dapatan kajian Ab Halim (2013), Mohd Yusof, Mohd Yassin dan Awang Itam (2017) serta Abdullah (2017). Menurut Aripin *et al.*, (2011), penerapan kualiti peribadi menepati makna falsafah pendidikan iaitu satu proses yang berterusan bagi menjana pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek sekali gus membangunkan manusia yang menyeluruh dan seimbang. Melalui penerapan kualiti peribadi ini, pendidik dapat membentuk atau membina peribadi murid berkeperluan pendidikan khas ke arah pekerja yang mempunyai nilai akhlak dan jiwa yang luhur.

Secara keseluruhannya, lima elemen kemahiran asas yang diterapkan oleh pendidik adalah relevan untuk menyediakan murid berkeperluan pendidikan khas menjadi tenaga kerja. Kesemua elemen kemahiran asas diterapkan oleh pendidik merentasi kurikulum program pendidikan vokasional. Justeru, penerapan kemahiran asas menjadi satu keperluan dalam program pendidikan vokasional murid berkeperluan pendidikan khas kerana ia merupakan kemahiran paling minimum dan menjadi sandaran kepada kemahiran-kemahiran lain.

## **b. Penerapan Kompetensi di Tempat Kerja**

Kompetensi di tempat kerja merujuk kepada kebolehan atau keupayaan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab di tempat kerja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga kompetensi di tempat kerja utama yang diterapkan oleh pendidik ialah kemahiran interpersonal, kemahiran mengurus dan kemahiran vokasional. Penerapan kemahiran interpersonal dan kemahiran mengurus selari dengan kajian Ab Halim (2013), Adnan (2013) dan Abdullah (2017). Manakala penemuan penerapan kemahiran vokasional dalam kajian ini menyerupai dapatan kajian Mohd Yusof, Mohd Ali & Mohd Salleh (2014).

Kemahiran vokasional merupakan satu kemahiran yang menjurus kepada bidang kerjaya yang khusus. Dalam kajian ini terdapat lima kemahiran vokasional diterapkan oleh pendidik iaitu kemahiran grafik komputer, kemahiran mendandan rambut dan penjagaan muka, kemahiran memasak, kemahiran refleksologi, serta kemahiran mengemas bilik. Kesemua kemahiran vokasional ini diterapkan oleh pendidik mengikut kursus yang ditawarkan kepada murid berkeperluan pendidikan khas berdasarkan kategori ketidakupayaan mereka. Penerapan kemahiran vokasional merupakan situasi yang kritikal kepada murid berkeperluan pendidikan khas memandangkan kajian Lee, Abdullah, & Mey (2011) dan Ismail, Abdul Hamid & Hamzah (2012) mendapati pekerja berkeperluan khas kurang mahir dalam bidang pekerjaan yang diceburi. Maka penerapan kemahiran vokasional sememangnya perlu dan menyokong kepada kebolehgajian murid berkeperluan pendidikan khas berdasarkan kajian Mohamed Yusof, Mohd Ali & Mohd Salleh (2014) mendapati bahawa mereka diambil bekerja kerana menguasai kemahiran khusus berkaitan dengan pekerjaan.

## **c. Penerapan Kemahiran Keusahawanan**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat elemen kemahiran keusahawanan diterapkan oleh pendidik kepada murid berkeperluan pendidikan khas adalah kemahiran menghasilkan produk, kemahiran memasarkan produk, kemahiran berniaga, dan kemahiran mengira kos. Penerapan kesemua elemen kemahiran keusahawanan memenuhi keperluan skop sesuatu pekerjaan dan boleh diaplikasikan oleh murid berkeperluan pendidikan khas di tempat kerja secara tidak langsung. Contohnya kemahiran mengira kos yang diterapkan oleh pendidik sebenarnya penting dalam sesuatu pekerjaan.

Penerapan kemahiran keusahawanan dalam program pendidikan vokasional murid berkeperluan pendidikan khas selaras dengan matlamat pendidikan keusahawanan dan usaha membudayakan keusahawanan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat sekolah. Matlamat pendidikan keusahawanan sekolah ialah untuk membentuk murid sebagai pencipta kerja yang berpotensi dan bukan sebagai pencari kerja (Lope Pihie, Bakar & Konting 2002). Kemahiran keusahawanan yang diterapkan oleh pendidik boleh menyumbang kepada satu bidang pekerjaan yang boleh menyara diri murid berkeperluan pendidikan khas. Ini memberi peluang kepada murid berkeperluan pendidikan khas untuk bekerja sendiri sebagai usahawan dan hidup berdikari tanpa bergantung kepada pasaran pekerjaan.

Usahawan merupakan satu pilihan jenis pekerjaan yang realistik untuk murid berlatarbelakangkan bidang pendidikan vokasional dan mempunyai fleksibiliti dalam tugas kerja yang dapat memadamkan ketidakupayaan seseorang (Callahan, Shumpert and Mast 2002; Doyle 2002; Jones & Latreille 2011; Meager & Higgins 2011; Pagán 2009). Kemahiran keusahawanan yang diterapkan oleh pendidik dipercayai dapat membantu murid berkeperluan pendidikan khas membina alternatif dan mempunyai kreativiti untuk mencipta pekerjaan dalam menghadapi masalah mendapatkan kerja serta tidak bergantung kepada pekerjaan makan gaji semata-mata. Ini dapat mengatasi isu pengangguran dan penggajian dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas.

## 6. Rumusan dan Cadangan

Kemahiran kebolehgajian merupakan aspek kemahiran yang penting dan diperlukan oleh majikan pada peringkat kemasukan awal bagi semua jenis serta tahap pekerjaan. Sebagai persediaan murid berkeperluan pendidikan khas ke alam pekerjaan, program pendidikan vokasional merupakan salah satu usaha untuk menerapkan kemahiran kebolehgajian. Memandangkan majikan meletakkan tanggungjawab penguasaan kemahiran kebolehgajian bakal pekerja kepada pihak institusi pendidikan, maka pendidik perlu memainkan peranan penting dalam penerapan kemahiran kebolehgajian kepada murid berkeperluan pendidikan khas.

Penerapan kemahiran kebolehgajian telah diintegrasikan oleh pendidik dalam pelaksanaan kurikulum sedia ada dan ini bertepatan dengan cadangan Bancino dan Zevalknik (2007). Namun begitu, guru perlu memberikan fokus secara sedar berkaitan dengan elemen kemahiran kebolehgajian. Ini kerana kurikulum sedia ada tidak mengandungi elemen kemahiran kebolehgajian secara khusus, tiada sukatan perincian kemahiran kebolehgajian dinyatakan, tidak ada pemberatan penerapan dan penilaian terhadap aspek kemahiran kebolehgajian. Di samping itu, Luecking (2008) mencadangkan pendidik menerapkan kemahiran kebolehgajian mengikut kehendak dan keperluan majikan. Maka pengetahuan tentang kemahiran kebolehgajian yang khusus mengikut kehendak majikan adalah perlu supaya pendidik boleh menerapkan kemahiran tersebut menerusi pengajaran dan pembelajaran dalam program pendidikan (Ju et al. 2011) dengan lebih efektif dan menyeluruh. Hal ini adalah penting kerana murid berkeperluan pendidikan khas dapat menguasai dan seterusnya mengaplikasikan kemahiran kebolehgajian di tempat kerja berdasarkan kehendak majikan.

## 7. Kesimpulan

Pekerjaan merupakan perkara penting bagi memastikan kesejahteraan kehidupan seseorang, malah lebih bermakna untuk individu berkeperluan khas. Kebanyakan individu berkeperluan khas boleh menunjukkan prestasi yang baik dan menjadi produktif seperti pekerja tipikal lain sekiranya diberi pengetahuan dan kemahiran yang menepati kehendak majikan melalui program pendidikan yang bersesuaian. Justeru, individu berkeperluan khas yang bekerja boleh menyumbang kepada pembangunan dan penjanaan ekonomi negara menerusi bayaran cukai.

## 8. Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama dari responden, pembantu penyelidik dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

## Rujukan

- Ab Halim, F. (2013). Kemahiran kebolehgajian, estim sendiri dan efikasi sendiri pelajar teknikal dan vokasional yang bermasalah pendengaran di politikenik dan kolej komuniti, Malaysia. Universiti Putra Malaysia: Tesis Ph.D.
- Abdul Rahman, K. A. & Abu Samah, N. (2011). Perisian matematik bagi tajuk pecahan untuk pelajar berkeperluan khas. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1, 2.39-47.
- Abdullah, N. (2017). Pelaksanaan mata pelajaran vokasional murid bermasalah pembelajaran untuk transisi kerjaya dari perspektif guru: Satu kajian kes. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Ph.D.
- Adnan, M. F. (2013). Penerapan elemen kemahiran generik dalam pengajaran guru PTV di sekolah menengah pendidikan khas vokasional (SMPKV) di Malaysia. Unitesiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Aripin, M. A., Hamzah, R., Othman, M. Z. & Norihan, I. S. (2011). Hala tuju pendidikan teknik dan vokasional: Integrasi kaedah Avicenna dan konsep pendidikan untuk semua. *Jurnal Teknologi*, 56. 151-160.
- Bancino, R. & Zevalknik, C. (2007). Soft skills: The new curriculum for hard-core technical professionals. *Techniques: Connecting Education & Careers*, 82, 5. 20-22.
- Callahan, M., Shumpert, N. & Masr, M. (2002). Soft-employment, choice and self-determination. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 17. 75-85.
- Chu, Y. & Zhang, L. (2015). Are our special education students ready for work? An investigation of the teaching of job-related social skills in Northern Taiwan. *International Journal of Disability, Development and Education*, 62, 2. 628-643.
- Dania, J. Bakar, A. B. & Mohamed, S. (2014). Factors influencing the acquisition of employability skills by students of selected technical secondary school in Malaysia. *International Education Studies*, 7, 2. 117-124.
- Daros, M., Nordin, M. S. & Saud, M. S. (2012). Pelajar berkeperluan khas dan bermasalah pembelajaran dari sekolah ke kerjaya. *Journal of Social Science*, 1. 42-46.
- Doyle, A. (2002). A realistic perspective of risk in self-employment for people with disabilities. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 17. 115-124.

- Guenther, J., Falk, I. & Arnott, A. (2008). *The role of vocational education and training in welfare to work*. Adelaide: National Centre for Vocational Education Research.
- Hiller, A., Campbell, H., Mastriani, K., Izzo, M. V., Kool-Tucker, A. K., Cherry, L. & Beversdorf, D. O. (2007). Two-year evaluation of a vocational support program for adults on the autism spectrum. *Career Development for Exceptional Individuals*, 30, 1. 35-47.
- Ismail, S., Abdul Hamid, N. & Hamzah, R. (2012). *Halangan orang kurang upaya (pendengaran) di Malaysia mendapat pekerjaan*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA. Dicapai pada Disember 28, 2016, <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/133.pdf>.
- Jabatan Pendidikan Khas. (2005). Sukatan pelajaran mata pelajaran vokasional khas. Program pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah menengah. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jones, M. K. & Latreille, P. L. (2011). Disability and self-employment: Evidence for the UK. *Applied Economics*, 43, 27, 4161-4178.
- Jones, B. A. & Williams, K. L. (2011). Perceptions of vocational training with elementary special education students: A case study. *International Journal of Special Education*, 26, 1. 125-134.
- Ju, S., Zhang, D. & Pacha, J. (2011). Employability skills valued by employers as important for entry-level employees with and without disabilities. *Career Development and Transition for Exceptional Individuals*, 35, 1. 29-38.
- Lee, M. N., Abdullah, Y. & Mey, S. C. (2011). Employment of people with disabilities in Malaysia: Drivers and inhibitors. *International Journal of Special Education*, 26, 1. 112-124.
- Lee, S. H., Wehmeyer, M. L., Palmer, S. B., Soukup, J. H. & Little, T. D. (2011). Self-determination and access to the general education curriculum. *Journal of Special Education*, 42, 2. 91-107.
- Lope Pihie, Z. A., Bakar, A. B. & Konting, M. M. (2002). Pelaksanaan pendidikan keusahawanan di Malaysia: Kesan terhadap aspirasi keusahawanan pelajar. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 10, 1. 53-61.
- Luecking, R. G. (2008). Emerging employer views of people with disabilities and the future of job development. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 29, 1. 3-13.
- Malaysia. (2013). *Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013*. Warta Kerajaan Persekutuan. 18 Julai 2013.
- Mat, N., Alias, J., Muslim, N. & Abdullah N. A. (2015). "Experiential Learning" dan "Service Learning": Ke arah meningkatkan kemahiran insaniah pelajar UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18, 1. 70-84.
- Meager, N & Higgins, T. (2011). *Disability and skills in a changing economy*. UK: Institute for Employment Studies.
- Minghat, A. D., Mohd Yasin, R., Subari, K. & Noordin, M. K. (2013). *Strategi Kelestarian Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV)*. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education, 493-504.
- Mitchell, R.E. & Karchmer, M. A. (2011). Demographic and achievement characteristics of deaf and hard-of-hearing students. Oxford Handbooks Online. doi: 10.1093/oxfordhb/9780199750986.013.0003.
- Mohamed Yusof, A., Mohd Ali, M. & Mohd Salleh, A. (2013). *Pendidikan vokasional pelajar berkeperluan khas ke arah memenuhi pasaran pekerjaan: Proceeding of the International Conference in Social Science Research*, 1189-1196.
- Mohd Ali, M & Sahal, N. (2016). Intervensi meningkatkan tumpuan dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41, 1. 1-6.
- Mohd Jelas, Z. (2009). *Pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas: Konsep dan amalan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof, M. (2014). Pelaksanaan program transisi kerjaya pendidikan khas bermasalah pendengaran. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Ph.D.
- Mohd Yusof, M., Mohd Yassin, M. H. & Awang Itam, M. (2017). Kemahiran keboleherjaan individu masalah pendengaran dan implikasinya terhadap program pendidikan. *International Conference on special education iin Suttheast Asia Region*, 1-9.
- Mohd. Isa, Z., Salleh, N. & Mustapha, R. (2009). Kurikulum pendidikan vokasional murid bermasalah pembelajaran (MP). *Diges Pendidik*, 9, 2. 89-99.
- Mustapha, R. (2004). IT and multimedia literacy in technical and vocational education in Malaysia. *International Journal of Digital Contents*, 2, 1. 113-115.

- Ofoegbu, N. E. & Azarmsa, R. (2010) Impact of the special education vocational education program (VEP) on student career success. *International Journal of Special Education*, 25, 2. 34-46.
- Pagán, R. (2009). Self-employment among people with disabilities: Evidence for Europe. *Disability and Society*, 24, 2. 217–229.
- Paul, S. M. (2011). Outcomes of students with disabilities in a developing country: Tobago. *International Journal of Special Education*, 26, 3. 194-211.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah (Tingkatan 3)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Samruhaizad, S. @ S. & Azahan, A. (2017). Pendidikan sebagai komponen kualiti hidup masyarakat pinggir bandar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1, 1. 267-280.
- SCANS. (1991). *What work requires of schools: A SCANS report for America 2000*. Washington, D.C.
- Seman, N. H., Che Omar, M., Yusoff, A. & Abdullah, M. Y. (2016). Analisis permasalahan pelajar cacat pendengaran dalam pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Ilmi*, 6. 105-124.
- Shier, M., Graham, J. R. & Jones, M. E. (2009). Barriers to employment as experienced by disabled people: A qualitative analysis in Calgary and Regina, Canada. *Disability & Society*, 24, 1. 63-75.
- Singley, S. G. (2003). *Barriers to employment among long-term Beneficiaries: A review of recent international evidence*. Wellington: Centre for Social Research and Evaluation.
- Sulaiman, A. A. & Omar, S. R. (2018). Pelaksanaan program pendidikan inklusif bagi murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran di Malaysia: Satu tinjauan. *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari*. 32-40.
- Ta, T. L., Wah, L. L. & Leng, K. S. (2011). Employment of people with disabilities in the northern states of Peninsular Malaysia: employers' perspective. *Disability, CBR and Inclusive Development*, 22, 1. 79–94.